

SIDANG KETUJUH, 1976

(Malaysia: Kuala Lumpur, 4 - 9 Februari)

Pernyataan Bersama.....	41
Keputusan tentang PERISTILAHAN.....	42

Pernyataan Bersama

Sebagai kelanjutan Persidangan Keenam antara Panitia Pengembangan Bahasa Indonesia dengan Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu yang diadakan di Hotel Aryaduta Jakarta, Indonesia, dari tanggal 13 hingga 19 Julai 1975 Majlis Bahasa Indonesia -Malaysia dalam sidang-sidangnya yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dari tanggal 4 hingga 9 Februari 1976, setelah meneliti dan membetulkan keputusan Persidangan Keenam Majlis Bahasa Indonesia - Malaysia serta membahas kertas-kertas kerja dari kedua pihak, mengambil keputusan mengenai peristilahan bidang:

- 1) Linguistik, 2) Kesusastran, 3) Pendidikan /
Kependidikan,
- 4) Kejuruteraan Awam / Teknik Sipil, 5) Pertanian
- Perhutanan

dan 6) Fizika / Fisika, Matematik / Matematika, Biologi,
serta mengenai hal-hal lain, yang perinciannya seperti
terlampir.

t.t.
(DATUK HAJI SUJAK BIN RAHIMAN)
Pengerusi
Jawatankuasa Tetap
Bahasa Melayu
Malaysia

t.t.
(DR. AMRAN HALIM)
Ketua
Panitia Pengembangan
Bahasa Indonesia

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
Malaysia
9 Februari 1976

Keputusan tentang PERISTILAHAN

34. Peristilahan Bidang Linguistik

- (i) Pedoman Khusus untuk Istilah Linguistik tidak diperlukan.
- (ii) Buku rujukan utama bagi sumber panduan istilah ialah *Dictionary of Language and Linguistics* oleh R.R.K Hartmann & F.C. Stork, Applied Science Publisher Ltd., London, 1971.
- (iii) Sidang bersetuju menyemak daftar istilah yang disediakan dan kemudian baru menyelaraskan pembentukannya.
- (iv) Sidang bersetuju supaya bagi perkataan sinonim hendaklah diambil satu sahaja istilah Indonesia - Malaysia, kecuali jika ada istilah-istilah yang memerlukan sinonim.
- (v) Sidang bersetuju supaya digunakan istilah alternatif jika didapati istilah-istilah persamaan dalam bahasa Indonesia atau Melayu menimbulkan keraguan atau kejanggalan daripada segi penggunaannya di negara masing-masing.

(vi) Sidang bersetuju supaya istilah yang dianggap usang atau tidak popular lagi hendaklah juga dicari kepadanya untuk menggambarkan sejarah perkembangan Linguistik tetapi daftar istilah Linguistik Indonesia - Malaysia secara tegas menentukan istilah nama yang dipilih.

(vii) Sidang bersetuju untuk memasukkan istilah-istilah daerah di Indonesia atau Malaysia dan mencari padanannya dalam bahasa Inggeris.

35. Peristilahan Bidang Kesusasteraan

(i) Pedoman Khusus untuk Istilah Kesusasteraan tidak perlu.

(ii) Buku rujukan utama yang dicadangkan sebagai sumber peristilahan ialah *A Glossary of Literary Terms*, edisi ke-3 oleh M.H. Abrams, Holt Rinehart and Winston, Inc. 1971.

(iii) Buku dan bahan rujukan tambahan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

a. *Istilah Kesusasteraan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972.

- b. *Dictionary of Word Literature* oleh Joseph T. Shipley, 1960.
 - c. Istilah yang telah sedia tersusun oleh mana-mana pihak.
 - d. Istilah yang terdapat daripada nama-nama buku lain yang kebetulan digunakan sebagai buku rujukan dan / atau teks.
- (iv) Sidang bersetuju membincangkan dahulu istilah-istilah yang berkaitan sama bagi kedua-dua negara serta mengesahkan penerimaannya.
- (v) Sidang bersetuju agar dasar pemilihan istilah dibuat dengan memberi keutamaan kepada istilah yang difikirkan penting bagi relevan dalam bidang pengajaran kesusasteraan, termasuk:
- a. Istilah yang disifatkan penting oleh salah sebuah pihak untuk kepentingan bersama.

b. Istilah umum yang tidak kurang pentingnya dalam bidang kesusasteraan sungguhpun istilah itu tidak merupakan istilah khusus bidang kesusasteraan.

(vi) Sidang bersetuju menerima kedua-dua istilah Indonesia dan Malaysia bagi persamaan sesuatu istilah asing, bila mana masing-masing negara mempunyai konsep yang tersendiri mengenai istilah berkenaan, misalnya:

actor - aktor (Indonesia) / pelakon (Malaysia)

(vii) Sidang bersetuju agar istilah yang mempunyai dua atau lebih persamaan ditulis dengan mengutamakan istilah Indonesia / Malaysia daripada istilah asing yang juga diterima, misalnya

absolute - mutlak/absolut

(viii) Sidang bersetuju agar dalam kerja peristilahan harus difikirkan juga istilah yang sudah diterima oleh masyarakat umum dan tidak hanya memikirkan konsep ilmiah bagi sesuatu istilah itu.

36. Peristilahan Bidang Pendidikan

- (i) Pedoman Khusus untuk bidang *Pendidikan* tidak dirasakan perlu diadakan. Kalau ada pola-pola baharu yang timbul kelak, ini akan dijadikan sebagai tambahan.

- (ii) Menjadikan buku *Learning to Be*, Unesco, 1973, sebagai sumber utama peristilahan dalam bidang Pendidikan. Apabila usaha ini telah selesai kelak barulah dicari sumber lain untuk bidang-bidang khusus dalam Pendidikan. Rasional pemilihan buku *Learning to Be* sebagai sumber ialah:
 - a. Buku ini lebih kemas kini. (Tidak seperti kamus-kamus Pendidikan);

 - b. Yang diperkatakan oleh buku ini menyentuh juga Pendidikan di negara-negara membangun dengan luas; dan

 - c. Buku ini memberikan konteks kepada istilah-istilah yang hendak di Indonesia-Malaysiakan itu.

(iii) Perbincangan tentang sumber-sumber untuk bidang-bidang khusus Pendidikan akan dimasukkan ke dalam agenda Persidangan Kelapan Majlis Bahasa Indonesia - Malaysia kelak.

(iv) **Dasar Kerja**

Di mana istilah dalam buku *Learning To Be* memerlukan definisi sebelum dapat dicari istilah-istilah Indonesia /Malaysia, maka *Dictionary of Education* oleh Carter V. Good, cetakan semula tahun 1973, hendaklah dijadikan sumber rujukan utama.

37. Peristilahan Bidang Kejuruteraan Awam

(i) Pedoman Umum Pembentukan Istilah secara umum dapat memenuhi keperluan pembentukan istilah-istilah Kejuruteraan Awam.

(ii) Sidang akan meneliti Pedoman itu lebih lanjut dan jika ternyata perlu, akan menyusun peraturan-peraturan tambahan.

(iii) Suatu catatan dari pihak Indonesia mengenai Pedoman Umum itu akan dikirim kepada pihak Malaysia sebagai

persediaan bahan perbahasan selama Sidang Kelapan
Majlis Bahasa Indonesia - Malaysia .

(iv) Sungguhpun Sidang mengenali berbagai-bagai sumber lain
tetapi bagi sidang peringkat permulaan ini hanya
berpandu kepada bahan dari *A Dictionary of Civil
Engineering*, John S. Scott, Penguin, edisi kedua,
1965.

(v) Dalam peringkat selanjutnya Sidang akan meneliti
istilah-istilah dari sumber rujukan lain seperti:

Chambers Dictionary of Science and Technology, T.C.
Collocott (ed.), W. & R Chambers Ltd., 1971. *Civil
Engineering Handbook*, dan *Codes of Practices and Standards*.

(vi) Sidang telah mengajukan kertas kerja masing-masing
pihak sebagai sumber dokumentasi berupa Senarai
Istilah huruf A-C oleh pihak Malaysia dan oleh pihak
Indonesia berupa *Buku Istilah Teknik Sipil* (Inggeris-
Indonesia), Prof. Ir. A. Antono *et al.*, Badan Penerbit
Pekerjaan Umum, 1975; *Istilah Teknik Pengairan* (draf
akhir); *Daftar Istilah Teknik Kebinamargaan* (draf

- pertama) dan manuskrip *Istilah Teknik Bangunan-Gedung* (Inggeris-Indonesia Prof. Ir. A. Antono *et al.*
- (vii) Sidang telah meneliti senarai istilah dari huruf A-C sejumlah 892 istilah dan telah menetapkan istilah prioriti pertama dan prioriti kedua.
- (viii) Selanjutnya Sidang telah membahaskan sejumlah 71 istilah dan membahagikannya kepada empat ruang seperti berikut: Istilah Inggeris, Istilah Melayu; Istilah Indonesia; Istilah Bersama yang diusulkan untuk dipertimbangkan lebih lanjut oleh masing-masing pihak.

38. Peristilahan Bidang Pertanian-Perhutanan

- (i) Menerima *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Indonesia -Melayu* sebagai buku panduan dan mana-mana istilah yang khusus akan dibincangkan lebih lanjut dalam sidang yang akan datang.
- (ii) Nama-nama binatang, tumbuhan dan lain-lain yang sudah lazim di Indonesia atau di Malaysia tetap digunakan.
- (iii) Buku-buku rujukan yang dipersetujui antaranya ialah:

- a. *Istilah Kajiayat, Perhutanan dan Pertanian*

Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968.

- b. *Dictionary of Biological Terms,*

I.F. Henderson & W.D. Henderson, edisi ke-8

Oliver and Boyd Ltd., Edinburgh, 1967.

- c. *Agricultural Endineering, A Dictionary and Handbook*

Arthur W. Farrall & Carl F. Albrecht, The Interstate
Printers & Publisher Inc., 1965.

- d. *Common Malayan Woods and Their Control*

D.E. Barnes & M.M. Chandapillai, Ansul (M) Sdn.
Bhd., Kuala Lumpur. 1972.

- e. *Forestry Terminology, A Glossary of Technical Terms
used in Forestry,* Society of American Foresters,
Washington DC, 1964.

f. *British Commonwealth Forest Terminology*

The Empire Forestry Association At/The Royal Empire Society, London, W. C. 2.,

1953 / 1957.

g. *Chambers Dictionary of Science and Technology,*

T.C. Collocott (ed.), W & R Chambers Ltd., 1971.

h. *Webster's Third New International Dictionary,*

G.C. Merriem, Spring Field, 1961.

(iv) Bersetuju membincangkan istilah-istilah umum dalam bidang Pertanian. Istilah-istilah yang khusus / terperinci ditangguhkan hingga Persidangan Kelapan Majlis Bahasa Indonesia - Malaysia.

(v) Bersetuju membincangkan istilah daripada abjad bahasa Inggeris.

39. Peristilahan Bidang Fizik, Matematik dan Biologi

- (i) Sidang mengambil ketetapan bahawa peristilahan ketiga-tiga bidang tersebut hendaklah dibahaskan dalam Sidang Kelapan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia dengan menurut sertakan para ahli dari kedua-dua negara.
- (ii) Pihak Malaysia berpendapat bahawa Pedoman Khusus untuk peristilahan bidang Fizik dan Matematik tidak diperlukan, kecuali seperangkat aturan tambahan.
- (iii) Pihak Malaysia berpendapat bahawa Pedoman Khusus mengenai tatanama diperlukan untuk peristilahan Biologi.
- (iv) Pihak Indonesia akan menyampaikan pendapat pihak Malaysia mengenai peristilahan Fizik, Matematik dan Biologi tersebut di atas kepada para pakar Indonesia yang berkenaan.
- (v) Para pakar kedua-dua pihak akan mengadakan hubungan kerana menjelang Sidang Kelapan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia.